



DUOPHARMA BIOTECH BERHAD

**PROSEDUR PENILAIAN AWAL &
PENYIASATAN
PEMBERIAN/PENDEDAHAN
MAKLUMAT**

DOKUMEN BIL: DBB/GRMI/PROC/001-03

PINDAAN BIL.: 03

TARIKH BERKUATKUASA : 25 FEBRUARY 2019
TARIKH SEMAKAN SEMULA : 8 NOVEMBER 2023

	DUOPHARMA BIOTECH BERHAD	DBB/GRMI/PROC/001-03 Tarikh berkuatkuasa: 8 November 2023 Pindaan Bil.: 03
	PROSEDUR PENILAIAN AWAL & PENYIASATAN PEMBERIAN/PENDEDAHAN MAKLUMAT	

A. TAKRIFAN/SINGKATAN

Siasatan	-	Penyelidikan rasmi mencari fakta bagi tujuan meneliti tuduhan salah laku untuk menentukan sama ada salah laku dan kesalahan telah dilakukan dan individu atau individu-individu yang bertanggungjawab.
Penilaian Awal	-	Penilaian awal merupakan proses professional pencarian fakta yang dimulakan oleh Pejabat Integriti dalam sebuah organisasi untuk mengenalpasti fakta-fakta berhubung dengan tuduhan atau salah laku yang disyaki, atau ketidakpatuhan (seperti rasuah, aktiviti-aktiviti penipuan, gangguan, keganasan, atau diskriminasi).
Tuduhan	-	Kepercayaan yang munasabah berdasarkan maklumat disokong oleh fakta, bahawa salah laku atau apa-apa kesalahan lain telah atau mungkin telah berlaku.
Pemberi Maklumat/Pengadu	-	Individu yang memberikan maklumat atau melaporkan salah laku atau apa-apa kesalahan lain yang telah atau mungkin telah berlaku dengan niat baik.
Percanggahan Kepentingan	-	Percanggahan kepentingan berlaku apabila seorang individu atau sebuah organisasi terlibat dalam pelbagai kepentingan, dan salah satu daripada kepentingan tersebut mendorong kelakuan yang bercanggah dengan kepentingan yang lain.
Bukti	-	Apa-apa jenis bukti yang cenderung untuk membuktikan sesuatu fakta itu material kepada kes atau sebaliknya. Ia termasuk, tetapi tidak terhad kepada testimoni lisan oleh saksi termasuk pakar-pakar teknikal, dokumen-dokumen, rekod-rekod dalam bentuk elektronik, audio, rakaman video dan gambar.
Penyiasat	-	Seseorang yang menjalankan siasatan rasmi.
Subjek Aduan	-	Seorang individu yang disiasat sama ada menurut tuduhan yang dibuat terhadapnya atau bahan bukti yang dikumpul dalam proses penyiasatan.
Saksi	-	Seorang individu yang menyedari, mengetahui atau memberi jaminan tentang sesuatu berhubung dengan tuduhan salah laku atau apa-apa kesalahan lain.
Duopharma	-	Duopharma Biotech Berhad
KADK	-	Ketua Audit Dalaman Kumpulan
KPRIK	-	Ketua Pengurusan Risiko & Integriti Kumpulan
ADK	-	Audit Dalaman Kumpulan

	DUOPHARMA BIOTECH BERHAD	DBB/GRMI/PROC/001-03 Tarikh berkuatkuasa: 8 November 2023 Pindaan Bil.: 03
	PROSEDUR PENILAIAN AWAL & PENYIASATAN PEMBERIAN/PENDEDAHAN MAKLUMAT	

PRIK	-	Pengurusan Risiko & Integriti Kumpulan
JPK	-	Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan
JLA	-	Jawatankuasa Lembaga Audit
JLPR	-	Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko
SPRM	-	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
PDRM	-	Polis Diraja Malaysia

1.0 PENGENALAN

Prosedur Penilaian Awal & Siasatan Pemberian Maklumat yang dirujuk sebagai Prosedur Siasatan (PS) dirangkakan oleh Pegurusan Risiko & Integriti Kumpulan Duopharma Biotech Berhad (Duopharma”) dengan konsultasi bersama dan persetujuan Ketua Jabatan Audit Dalam Kumpulan. Siasatan terperinci hendaklah dilaksanakan menurut kuasa yang diberikan oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko (JPR) Duopharma, sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Piagam Audit dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah Duopharma.

Prosedur-prosedur yang menerangkan Terma Rujukan dan prosedur terpakai dalam pelaksanaan siasatan dan penilaian awal suatu laporan pemberian maklumat adalah bertujuan sebagai panduan untuk kakitangan yang bertanggungjawab menjalankan siasatan dalaman.

Penilaian awal dan/atau siasatan dalaman hendaklah dilaksanakan selaras dengan peraturan-peraturan serta statut dan undang-undang semasa yang terpakai di dalam wilayah berkenaan bagi memastikan kesahan penyiasatan yang dijalankan.

2.0 TUJUAN

Prosedur Siasatan ini bertujuan sebagai panduan praktikal bagi pelaksanaan penilaian awal dan siasatan secara teliti, objektif dan berkesan berdasarkan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010, Kanun Keseksaan, ISO 37008 Penyiasatan Dalam Organisasi – Panduan dan lain-lain undang-undang, garis panduan dan amalan terbaik berkaitan. Prosedur ini turut memastikan fakta-fakta relevan dikenalpasti dan didokumenkan, dan dimuktamadkan dengan pencapaian keputusan yang wajar berdasarkan maklumat dan bukti tersedia, yang dapat menentukan tindakan susulan yang bersesuaian.

Prosedur ini juga menerangkan tujuan serta menetapkan metodologi untuk digunakan berhubung dengan pemulaan dan pelaksanaan siasatan di Kumpulan Syarikat Duopharma.

Siasatan tidak merangkumi perkara-perkara yang semakannya diperuntukkan di bawah peruntukan yang berasingan, termasuk konflik di tempat kerja, rungutan, isu-isu prestasi dan ketidaksefahaman berkaitan prestasi, melainkan pemberi maklumat mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa proses yang sewajarnya tidak diikuti sewajarnya atau dengan berkesan, dan dalam situasi tersebut peruntukan-peruntukan di bawah Polisi ini adalah terpakai terhadap tuduhan-tuduhan tersebut.

	DUOPHARMA BIOTECH BERHAD	
	PROSEDUR PENILAIAN AWAL & PENYIASATAN PEMBERIAN/PENDEDAHAN MAKLUMAT	DBB/GRMI/PROC/001-03 Tarikh berkuatkuasa: 8 November 2023 Pindaan Bil.: 03

3.0 SKOP

Skop dan sifat suatu siasatan itu bergantung kepada hal-hal keadaan setiap kes, serta apa-apa kehendak statutori yang berkaitan.

4.0 PRINSIP-PRINSIP UNTUK PENYIASAT

Suatu siasatan dalaman hendaklah dijalankan oleh penyiasat-penyiasat yang memiliki kepakaran professional, pengetahuan, pengalaman, sikap serta kapasiti yang dapat memastikan kualiti kerja untuk memenuhi jangkaan dalam proses membuat keputusan yang wajar. Siasatan dalaman perlulah dilaksanakan dengan penuh integriti, adil, benar, tabah dan bersungguh-sungguh, dan diselesaikan sesegera mungkin.

Suatu siasatan dalaman hendaklah bebas daripada sebarang percanggahan kepentingan dan dilaksanakan secara objektif berdasarkan keterangan fakta. Siasatan tidak boleh dipengaruhi oleh perasaan peribadi, interpretasi atau prejudis. Di dalam situasi timbulnya percanggahan kepentingan, sama ada nyata atau tidak, penyiasat hendaklah menyetengahkan hal tersebut kepada KPRIK ataupun kepada Pengerusi JLPR semasa penilaian awal ataupun semasa pelaksanaan siasatan terperinci.

Prinsip-prinsip asas berikut perlu dipatuhi oleh penyiasat:

Objektiviti

- Mengekalkan objektiviti, kesaksamaan dan keadilan sepanjang proses siasatan dan melaksanakan aktiviti-aktiviti siasatan dengan cekap dan pada tahap integriti serta kelakuan beretika yang tertinggi.
- Menjalankan tugas dengan bebas daripada mereka yang bertanggungjawab atau terlibat dalam aktiviti operasi, dan daripada kakitangan yang berkemungkinan menjadi subjek penyiasatan, serta hendaklah bebas daripada pengaruh yang tidak wajar ataupun bimbang terhadap sebarang pembalasan.
- Menjauhi percanggahan kepentingan dan mengambil langkah-langkah yang wajar untuk mengelakkan persepsi bahawa adanya percanggahan kepentingan.
- Aktiviti-aktiviti penyiasatan hendaklah memelihara kerahsiaan, menghormati hak-hak dan obligasi individu, dan lain-lain berkaitan hendaklah dijalankan berlandaskan prinsip-prinsip keadilan, kesaksamaan dan anggapan tidak bersalah.

Kerahsiaan

- Setiap individu yang terlibat di dalam siasatan hendaklah tidak menyampaikan kepada mana-mana orang maklumat atau bahan bukti berhubung dengan siasatan tersebut, termasuk kewujudan siasatan tersebut juga, melainkan kepada KPRIK dan penasihat undang-

	DUOPHARMA BIOTECH BERHAD	DBB/GRMI/PROC/001-03 Tarikh berkuatkuasa: 8 November 2023 Pindaan Bil.: 03
	PROSEDUR PENILAIAN AWAL & PENYIASATAN PEMBERIAN/PENDEDAHAN MAKLUMAT	

undang, sekiranya ada. Seseorang itu boleh memaklumkan kepada penyelia mereka bahawa mereka akan ditemuduga oleh PRIK, bagi tujuan mendapatkan kebenaran untuk tidak hadir kerja lantaran siasatan yang berjalan, tetapi tidak dibenarkan memberi apa-apa maklumat berhubung siasatan kepada penyelia mereka.

- ii. Penyiasat hendaklah mengingatkan kepada semua yang terlibat dalam siasatan dalam perjalanan aktiviti-aktiviti siasatan bahawa mereka adalah terikat oleh kerahsiaan.
- iii. KPRIK dan penyiasat yang ditetapkan hendaklah melindungi maklumat yang telah diperolehi dan dikumpul sepanjang penyiasatan terhadap pendedahan yang tidak dibenarkan. Walau bagaimanapun, PRIK berhak untuk menggunakan maklumat tersebut, setakat mana yang diperlukan bagi keperluan sah siasatan tersebut ataupun organisasi. Khususnya, PRIK boleh mendedahkan maklumat kepada individu-individu tertentu sekiranya perlu bagi tujuan perjalanan siasatan.
- iv. Bagi melindungi reputasi seseorang yang menghadapi tuduhan, pendedahan identiti mereka hendaklah disekat atas dasar keperluan untuk tahu sahaja, dan hanya boleh didedahkan sekiranya perlu bagi tujuan perjalanan aktiviti-aktiviti penyiasatan atau untuk melindungi kepentingan organisasi.
- v. Setiap penyiasat bertanggungjawab untuk memelihara kerahsiaan dan keselamatan fail-fail siasatan dan keterangan yang dikumpul serta disimpan. Obligasi kerahsiaan berterusan walaupun penyiasat telah meninggalkan Duopharma.
- vi. Selain daripada KPRIK, hanya pegawai-pegawai Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia yang diberi kuasa, pegawai-pegawai Polis Diraja Malaysia atau apa-apa agensi penguatkuasaan yang memiliki waran mempunyai hak undang-undang untuk mendapatkan akses kepada dan/atau untuk memeriksa daftar pemberi maklumat, fail-fail dan rekod siasatan, dan lain-lain rekod berkaitan.

Profesionalisme

- i. Setiap siasatan akan dijalankan menurut peruntukan Piagam Audit Dalaman, dan Prosedur Penilaian Awal dan Siasatan Dalaman.
- ii. Setiap siasatan mesti dijalankan dengan efisien dan berkesan bagi memastikan isu-isu relevan diperiksa secara terperinci.
- iii. Elemen-elemen utama salah laku mestilah diutamakan oleh penyiasat dalam aktiviti penemuan fakta mengambil kira garis masa yang ditetapkan oleh KPRIK dan sumber-sumber tersedia.

	DUOPHARMA BIOTECH BERHAD	DBB/GRMI/PROC/001-03 Tarikh berkuatkuasa: 8 November 2023 Pindaan Bil.: 03
	PROSEDUR PENILAIAN AWAL & PENYIASATAN PEMBERIAN/PENDEDAHAN MAKLUMAT	

5.0 PROSES SIASATAN

- Setiap aduan pemberi maklumat atau permintaan untuk siasatan hendaklah dikemukakan kepada KPRIK.
- Setiap aduan yang diterima hendaklah didaftarkan dengan serta merta di dalam daftar pemberi maklumat yang diselenggarakan oleh Pengurus Integriti / KPRIK, dan dinomborkan mengikut urutan bersambung.
- Daftar pemberi maklumat hendaklah diselenggarakan bagi merekodkan maklumat-maklumat berikut:

Penerimaan Aduan	Proses Siasatan	Penutupan
- Nombor aduan - Tarikh dan cara diterima, dan lokasi - Butiran komunikasi - Entiti/lokasi terjejas - Ringkasan aduan	- Penilaian awal - Hasil daripada penilaian awal - Proses pembuatan keputusan sama ada siasatan terperinci akan dilaksanakan oleh JLPR - Tarikh Siasatan Terperinci dimulakan - Pegawai Penyiasat yang dilantik - Tarikh laporan Siasatan - Tarikh pembentangan kepada JLPR - Perakuan oleh JLPR	- Tarikh dilaporkan kepada JLPR - Impak dan kerugian kewangan - Keputusan Pengerusi JLPR - Hasil dikemukakan kepada pemberi maklumat

- Jabatan ataupun Entiti tidak akan menjalankan siasatannya sendiri tanpa arahan daripada JLPR ataupun JLA, maka oleh itu apa-apa aduan pemberi maklumat perlu disalurkan dengan kadar segera kepada KPRIK.

5.1 PERTIMBANGAN ADUAN-ADUAN YANG DITERIMA

- Setiap aduan pemberi maklumat atau permintaan untuk siasatan hendaklah dinilai sewajarnya tanpa mengira tempoh perkhidmatan, jawatan/kedudukan, perhubungan ataupun hubung kait di antara mana-mana pihak yang terlibat dengan Kumpulan.
- Tiada rujukan kepada identiti individu yang membuat aduan akan dilakukan semasa pertimbangan.
- Jika aduan salah laku adalah di dalam skop prosedur ini, KPRIK hendaklah mempertimbangkan ketulenannya, kejelasannya, kecukupan maklumat dan impak setiap aduan, dan seterusnya melaksanakan penilaian awal ke atas maklumat yang diterima.

Bergantung kepada perkara di dalam aduan, KPRIK dan Pengurus Integriti harus mengadakan perbincangan berhubung dengan aduan yang diterima, dan mendokumentasikan hasilnya secara rasmi di dalam daftar pemberi maklumat.

	DUOPHARMA BIOTECH BERHAD	DBB/GRMI/PROC/001-03 Tarikh berkuatkuasa: 8 November 2023 Pindaan Bil.: 03
	PROSEDUR PENILAIAN AWAL & PENYIASATAN PEMBERIAN/PENDEDAHAN MAKLUMAT	

Dalam situasi di mana kes-kes aduan yang diterima dianggap kritikal dan/atau sensitif, Pengerusi JLPR atas budi bicara beliau boleh memutuskan untuk berbincang terus dengan Pengerusi JLA serta Pengerusi Lembaga untuk mengadakan siasatan.

5.2 PENILAIAN AWAL

Penilaian awal merangkumi proses mengumpul, memelihara dan mengamankan keterangan asas serta penilaian keseriusan dan kredibiliti tuduhan yang dibentangkan. Penilaian ke atas keterangan yang diperolehi digunakan untuk menentukan kewajaran siasatan terhadap tuduhan salah laku. Pejabat Integriti hendaklah melaksanakan penilaian awal berdasarkan proses berikut:

- i. Penilaian awal hendaklah dilaksanakan secara berselindung oleh Pejabat Integriti dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh aduan pemberi maklumat diterima, melainkan tempoh lebih panjang diperlukan dan hendaklah mendapat kelulusan KPRIK. Suatu mesyuarat fizikal dengan KPRIK hendaklah diadakan setiap minggu untuk memaklumi KPRIK serta menentukan tindakan seterusnya.
- ii. Sekiranya lebih daripada satu aduan diterima, KPRIK hendaklah menggunakan budi bicara untuk menentukan urutan penilaian mengikut keutamaan.
- iii. KPRIK bertanggungjawab untuk menilai semula ketulenan, kejelasan, kecukupan maklumat, dan impak setiap aduan bagi memutuskan sama ada terdapat kes yang tulen untuk disiasat.
- iv. Cadangan hendaklah dikemukakan kepada JLPR bagi pertimbangan sama ada siasatan terperinci diperlukan atau tindakan seterusnya yang lain.
- v. Sekiranya hasil daripada penilaian awal membuktikan bahawa aduan tidak berasas atau tiada maklumat yang mencukupi bagi menJLAankan siasatan penuh, aduan tersebut akan dikategorikan sebagai Tiada Tindakan Seterusnya, dan dilaporkan kepada JLPR. Maklumat berkaitan dan hasil daripada penilaian awal hendaklah dikemaskini di dalam daftar pemberi maklumat.
- vi. Pengurus Integriti/KPRIK hendaklah melaksanakan penilaian awal berdasarkan maklumat-maklumat berikut:
 - a. Merekodkan aduan dan mengenalpasti fakta-fakta asas
 - b. Menentukan undang-undang yang terpakai berhubung dengan tuduhan
 - c. Memeriksa keterangan yang dikemukakan oleh pengadu dan apa-apa dokumen, rekod atau data berkaitan
 - d. Komunikasi dan/atau temuduga bersama pengadu untuk mendapatkan maklumat atau keterangan tambahan
 - e. Menenalpasti apa-apa ketidakselarasan atau apa-apa soalan yang belum terjawab; dan
 - f. Menganalisa keterangan untuk menentukan kewajaran pelaksanaan siasatan terperinci ke atas tuduhan salah laku

Borang penilaian awal yang terperinci dilampirkan di dalam Lampiran 1.

- vii. Penilaian awal seharusnya menentukan keperluan untuk melaksanakan siasatan dalaman

	DUOPHARMA BIOTECH BERHAD	DBB/GRMI/PROC/001-03 Tarikh berkuatkuasa: 8 November 2023 Pindaan Bil.: 03
	PROSEDUR PENILAIAN AWAL & PENYIASATAN PEMBERIAN/PENDEDAHAN MAKLUMAT	

rasmi ataupun tindakan alternatif, seperti penyelesaian tidak rasmi oleh barisan Pengurusan, rujukan kepada Jabatan Sumber Manusia Kumpulan ataupun jabatan-jabatan lain yang berkaitan, ataupun tidak mengambil apa-apa tindakan lanjut.

- viii. Jika kes perlu disiasat selanjutnya, KPRIK atau Pengurus Integriti haruslah mendapatkan kelulusan daripada JLPR. Walau bagaimanapun, sekiranya kes melibatkan Pengurusan Kanan / Pengerusi Lembaga Duopharma, dan pelaksanaan siasatan terperinci diperlukan, KPRIK hendaklah dengan segera memaklumkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Pelantikan dan Saraan setelah pertimbangan oleh JLPR. Sekiranya kes melibatkan Ahli Lembaga, tidak termasuk Pengerusi Lembaga Duopharma, KPRIK hendaklah dengan segera memaklumkan kepada Pengerusi Lembaga setelah JLPR mempertimbangkan pelaksanaan siasatan terperinci di JLPR.

5.3 SIASATAN TERPERINCI

Sebaik sahaja KPRIK telah melaksanakan penilaian termasuk penilaian pendedahan risiko dan siasatan awal, KPRIK hendaklah memaklumkan kepada Pengerusi JLPR bahawa siasatan terperinci perlu dilaksanakan. Pertimbangan oleh JLPR hendaklah dikemukakan kepada KPRIK bersama-sama laporan penilaian awal dan aduan pemberi maklumat, termasuk segala keterangan, rekod, dan dokumen. Hasil daripada penilaian awal hendaklah digunakan untuk menyediakan perancangan siasatan.

KPRIK hendaklah melantik atau menurunkan kuasa kepada seseorang atau suatu pasukan untuk melaksanakan siasatan. Sekiranya KPRIK atau Juruaudit mempunyai percanggahan kepentingan, JLPR setelah berbincang dengan Pengerusi JLA boleh membuat keputusan berhubung dengan tindakan selanjutnya, termasuk mempertimbangkan pelantikan penyiasat luar. Walaubagaimanapun, sekiranya PRIK tidak berupaya untuk melaksanakan siasatan atas sebab hal keadaan yang tidak dijangka ataupun komitmen semasa, KPRIK hendaklah membuat pertimbangan bersama Pengerusi JLPR sehingga resolusi dicapai. Sekiranya kepakaran luar hendak dilantik untuk melaksanakan siasatan, dan ini termasuk kakitangan Duopharma Biotech dari bahagian/jabatan selain daripada PRIK, kelulusan KPRIK mesti diperolehi, dan prinsip-prinsip siasatan mestilah diterangkan kepada penyiasat luar tersebut.

Ketidakmampuan dan/atau kegagalan untuk melaksanakan siasatan dalaman boleh memberikan kesan negatif kepada sesebuah organisasi, termasuk menjejaskan keberkesanan sistem Pengurusan pematuhan, menyebabkan kegagalan melindungi reputasi organisasi dan juga kegagalan dalam mengesan dan menangani salah laku.

JLPR memainkan peranan untuk menyelia proses siasatan, dan bukannya untuk menentukan hala tuju siasatan.

Siasatan secara keseluruhannya bertujuan untuk menentukan sama ada terdapat bukti yang mencukupi untuk mengesahkan atau menyangkal sesuatu tuduhan itu, mengenalpasti pelaku dan mewujudkan hal keadaan yang berkaitan. Sekiranya perlu, penyiasat yang dilantik akan merangkakan pelan penyiasatan bagi membantu membina fakta-fakta berkaitan, mengumpul

	DUOPHARMA BIOTECH BERHAD	DBB/GRMI/PROC/001-03 Tarikh berkuatkuasa: 8 November 2023 Pindaan Bil.: 03
	PROSEDUR PENILAIAN AWAL & PENYIASATAN PEMBERIAN/PENDEDAHAN MAKLUMAT	

keterangan yang diperlukan, dan memastikan bahawa siasatan dijalankan dengan cekap dan pantas.

Penyiasat mestilah mengenalpasti di mana keterangan berkaitan akan disimpan dari awal proses penyiasatan. Sebaik sahaja siasatan selesai, laporan bertulis penemuan siasatan, keterangan dan rumusan siasatan hendaklah dikemukakan kepada JLPR untuk dipertimbangkan.

Penyiasat hendaklah bekerjasama dengan fungsi-fungsi berkaitan di dalam organisasi untuk menentukan sama ada terdapat saksi-saksi utama atau kakitangan yang disiasat sudah berada di dalam proses meninggalkan organisasi atas apa jua sebab.

5.3.1 Keterangan

Di dalam siasatan, suatu standard pembuktian diperlukan bagi menentukan sama ada tuduhan adalah berasas, jelas dan disokong oleh bukti dan fakta-fakta kes yang meyakinkan. Keterangan yang diberikan oleh saksi-saksi dipelihara kerahsiaannya dan digunakan hanya untuk tujuan siasatan.

- Keterangan fizikal – bahan-bahan ketara dan tak ketara yang berhubung kait dengan siasatan, seperti lokasi, keadaan atau lain-lain ciri bahan keterangan yang ketara.
- Keterangan dokumentari – rekod-rekod, log-log, dokumen, surat, diari, laporan, diagram, carta organisasi dan kenyataan bertulis.
- Keterangan elektronik – label rakaman video: masa dan tarikh direkodkan, penerangan ringkas lokasi atau tempat video atau gambar dirakamkan, nama penuh dan jawatan jurugambar atau juruvideo, serta nama penuh dan alamat individu-individu yang hadir ketika gambar atau video dirakamkan.
- Keterangan forensik – termasuk pemeriksaan ke atas data elektronik, objek-objek fizikal seperti dokumen yang dipertikaikan atau cap jari, DNA, lekukan atau pengenalanpastian dokumen-dokumen bercetak. (Pelantikan pakar luar yang diberikan kuasa)
- Keterangan testimonial – keterangan langsung atau dengar cakap daripada individu-individu yang menjadi saksi kepada suatu peristiwa ataupun isu yang berkaitan dengan siasatan.

5.3.2 Temuduga

Pelaksanaan temuduga bertujuan untuk mendapatkan keterangan testimonial, iaitu ingatan individu-individu / saksi yang menyaksikan suatu peristiwa atau mempunyai pengetahuan langsung atau tidak langsung tentang apa-apa yang berkaitan dengan penyiasatan. Sebarang soal selidik dan temuduga hendaklah dijalankan secara berhati-hati dan menjaga privasi pada tahap yang munasabah.

- Penyiasat-penyiasat hendaklah memperkenalkan diri mereka, memberikan penerangan am berhubung dengan siasatan serta tuduhan-tuduhan yang telah dibuat.
- Kaedah temuduga haruslah disesuaikan mengikut pemerhatian terhadap tindak balas

	DUOPHARMA BIOTECH BERHAD	
	PROSEDUR PENILAIAN AWAL & PENYIASATAN PEMBERIAN/PENDEDAHAN MAKLUMAT	DBB/GRMI/PROC/001-03 Tarikh berkuatkuasa: 8 November 2023 Pindaan Bil.: 03

dan kelakuan orang yang ditemuduga dan maklumat yang diberikan.

- Penyiasat hendaklah memastikan bahawa rekod-rekod berkaitan adalah tersedia semasa temuduga dijalankan. Apa-apa rekod yang dihasilkan oleh orang yang ditemuduga hendaklah disimpan dengan selamat bersama-sama dengan bukti yang lain.
- Penyiasat hendaklah mengambil nota semasa perjalanan keseluruhan temuduga. Nota-nota terperinci perlu diambil untuk bahagian-bahagian temuduga yang berkaitan, manakala nota-nota ringkas memadai untuk bahagian-bahagian yang kurang relevan.

5.3.3 Rakman Audio dan Visual

- Rakaman audio hendaklah dibuat bagi setiap temuduga, dengan persetujuan daripada orang yang ditemuduga.
- Temuduga saksi lazimnya tidak dirakamkan sama ada audio mahupun video. Walaubagaimanapun, dalam hal keadaan luar biasa, penyiasat boleh menggunakan budi bicara beliau untuk berbuat demikian. Rakaman akan dijalankan dengan terbuka dengan pengetahuan saksi.

5.3.4 Siasatan Forensik & Bukti Forensik

- Bagi tuduhan salah laku yang sangat serius sehingga mewajarkan analisis forensik, penyiasat yang dilantik boleh mendapatkan kebenaran bertulis daripada KPRIK untuk memohon pakar-pakar forensik yang diberikan kuasa untuk menyediakan bantuan teknikal kepada siasatan dalaman.
- Untuk analisis forensik ke atas cakera keras atau lain-lain pangkalan data elektronik, penyiasat boleh menggunakan khidmat syarikat luar berkepakaran yang diberikan kuasa oleh pihak berkuasa untuk melaksanakan analisis dengan kelulusan bertulis dari KPRIK.

5.4 SOKONGAN UNTUK SIASATAN DALAMAN

Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan hendaklah menyokong pewujudan, pelaksanaan, penyelenggaraan dan penambahbaikan berterusan siasatan dalaman, dengan memastikan organisasi menyediakan sumber yang memadai. Sumber-sumber termasuk (tetapi tidak terhad kepada) kakitangan, kewangan dan infrastruktur organisasi. Sumber-sumber ini boleh datang daripada dalam dan juga luar organisasi.

Siasatan memerlukan kerjasama daripada kakitangan yang berkaitan. Kakitangan tidak seharusnya memadamkan, memusnahkan, mengubah, memindahkan atau menyembunyikan maklumat, data, atau rekod dalam apa jua bentuk sama ada secara sengaja atau tidak, yang boleh digunakan sebagai bukti di dalam proses penyiasatan.

Langkah-langkah perlu diambil untuk mengelak atau menghalang sebarang campur tangan terhadap suatu siasatan. Ini termasuk campur tangan dari pihak dalam mahupun luar, ataupun lain-lain organisasi. Ketua Penyiasat hendaklah melaporkan sebarang percubaan untuk campur

	DUOPHARMA BIOTECH BERHAD	DBB/GRMI/PROC/001-03 Tarikh berkuatkuasa: 8 November 2023 Pindaan Bil.: 03
	PROSEDUR PENILAIAN AWAL & PENYIASATAN PEMBERIAN/PENDEDAHAN MAKLUMAT	

tangan di dalam siasatan kepada Pengerusi JLPR dan/atau KPRIK.

5.5 LAPORAN SIASATAN

Laporan siasatan hendaklah mengandungi penemuan, kesimpulan, perakuan dan ringkasan fakta-fakta yang diperolehi sepanjang perjalanan siasatan, dan disokong dengan keterangan yang tersedia.

- i. JLPR hendaklah mengadakan mesyuarat untuk membincangkan kesemua laporan siasatan yang memerlukan tindakan selanjutnya. Mesyuarat tersebut hendaklah diadakan dalam masa tidak melebihi tujuh (7) hari daripada penerbitan laporan siasatan.
- ii. Bergantung kepada salah laku yang menjadi perkara di dalam laporan siasatan, JLPR boleh membincangkan kandungan laporan di dalam mesyuarat fizikal, komunikasi emel ataupun mesyuarat secara maya, yang mana-mana bersesuaian untuk mempercepatkan perbincangan.
- iii. JLPR hendaklah membuat arahan berhubung dengan tindakan lanjut setelah meneliti laporan siasatan dan penemuan:
 - a. Tindakan disiplin oleh Sumber Manusia Kumpulan.
 - b. Tindakan-tindakan yang perlu diambil di bawah undang-undang, seperti laporan kepada SPRM atau PDRM untuk siasatan lanjut.
 - c. Pengambilan tindakan undang-undang sivil atau jenayah.
 - d. Penambahbaikan kawalan oleh ahli JPK berkenaan sekiranya jurang-jurang dikenalpasti.
 - e. Langkah-langkah dan tindakan lain mengikut kesesuaian.
- iv. KPRIK hendaklah mengemukakan laporan status kepada JLPR pada mesyuarat suku tahunan, yang memperincikan bilangan aduan untuk siasatan yang diterima, status siasatan, penutupan kes-kes, dan mengetengahkan sebarang kebimbangan utama.

6.0 NOTIFIKASI KESIMPULAN

- i. Maklumat berhubung dengan apa-apa laporan salah laku atau laporan pemberi maklumat dan apa-apa siasatan yang berkaitan perlu diuruskan dan disekat pendedahannya di atas dasar “perlu tahu” sahaja.
- ii. Bergantung kepada keseriusan kes, KPRIK atau Pengurus Integriti bertanggungjawab untuk memaklumkan hasil daripada siasatan kepada pemberi maklumat secara bertulis.
- iii. KPRIK atau Pengurus Integriti tidak seharusnya memaklumkan kepada pemberi maklumat sekiranya tuduhan dirujuk kepada pihak berkuasa untuk tindakan jenayah, kerana tindakan lanjut akan diambil oleh pihak pendakwa.
- iv. Pengadu bukanlah ‘pemilik’ aduan, dan tidak berhak secara automatik untuk dimaklumkan

	DUOPHARMA BIOTECH BERHAD	DBB/GRMI/PROC/001-03 Tarikh berkuatkuasa: 8 November 2023 Pindaan Bil.: 03
	PROSEDUR PENILAIAN AWAL & PENYIASATAN PEMBERIAN/PENDEDAHAN MAKLUMAT	

tentang hasil siasatan. Adalah memadai bagi pengadu dimaklumkan bahawa tuduhan yang dikemukakan telah dibuktikan (dan telah dirujuk kepada Pengurusan untuk tindakan disiplin) atau tidak berasas. Penjelasan hendaklah diberikan kepada pengadu tanpa mendedahkan identiti atau bahan bukti yang telah diberikan oleh saksi-saksi lain.

7.0 CARTA ALIR PROSES SIASATAN

